



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**  
**KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

- 1. Bolehkah saya menghantar wang kepada warganegara Malaysia di luar negara melalui Wisma Putra semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Boleh. Walau bagaimanapun, dalam tempoh PKPB, tiada urusan deposit wang secara tunai dibenarkan melalui kaunter. Segala urusan deposit boleh dibuat melalui mana-mana cawangan Bank Islam atau melalui *'online transfer'* ke akaun Kementerian. Sila emel kepada Unit Bantuan Rakyat Malaysia di alamat emel [bkrm\\_admin@kln.gov.my](mailto:bkrm_admin@kln.gov.my) untuk maklumat dan prosedur seterusnya.

- 2. Bolehkah waris datang ke kaunter konsular untuk mengambil Surat Pengesahan Kematian yang dikeluarkan oleh pihak Kedutaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Urusan pengambilan Surat Pengesahan Kematian Warganegara Malaysia di luar negara dalam tempoh PKPB adalah berdasarkan temu janji sahaja. Bahagian Konsular akan menghantar emel kepada waris bagi tujuan pengambilan surat berkenaan.

- 3. Bagaimanakah cara sekiranya saya ingin melaporkan/mengetahui status berkaitan kehilangan/kematian/penahanan warganegara Malaysia di luar negara semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Emelkan kepada Unit Bantuan Rakyat Malaysia di alamat emel [bkrm\\_admin@kln.gov.my](mailto:bkrm_admin@kln.gov.my) untuk semua permohonan bantuan rakyat Malaysia di luar negara. Tiada urusan kaunter dibenarkan semasa tempoh PKPB kecuali dengan *janji temu* sahaja.

- 4. Adakah saya boleh melakukan urusan pengesahan dokumen semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Boleh. Pemohon perlu menghantar emel kepada Unit Pengesahan Dokumen di alamat e-mel [sah\\_admin@kln.gov.my](mailto:sah_admin@kln.gov.my) untuk membuat *janji temu* atau bertanyakan sebarang persoalan. Urusan kaunter untuk Pengesahan Dokumen hanya diadakan pada setiap hari Isnin hingga Khamis, mulai jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

**5. Saya menerima emel bahawa permohonan Sijil Kelakuan Baik (SKB) saya telah lulus dan sijil sedia untuk kutipan. Adakah saya boleh mengambil SKB di Wisma Putra semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Boleh. Pemohon perlu menghantar emel kepada Unit Sijil Kelakuan Baik (SKB) di alamat e-mel **skb\_admin@kln.gov.my** untuk membuat **janji temu** atau bertanyakan sebarang persoalan. Urusan kaunter untuk kutipan sijil hanya diadakan pada setiap hari Isnin hingga Khamis, mulai jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang. Bayaran tunai untuk sekeping Sijil Kelakuan Baik berjumlah RM20.00.

**6. Sekiranya saya mempunyai soalan berkaitan Sijil Kelakuan Baik (SKB), pada siapakah wajar untuk saya ajukan soalan?**

Sila emel kepada Unit SKB : **skb\_admin@kln.gov.my** untuk sebarang persoalan.

**7. Berapa lamakah proses kelulusan bagi mendapatkan Sijil Kelakuan Baik?**

Proses untuk mendapatkan Sijil Kelakuan Baik adalah 1-2 bulan setelah selesai proses tapisan keselamatan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Keputusan LULUS atau GAGAL adalah di bawah kuasa penuh pihak PDRM.

**8. Bagaimanakah cara untuk memohon Sijil Kelakuan Baik secara atas talian?**

Sila rujuk dalam sesawang **www.kln.gov.my** dan lihat kepada ruangan e-konsular dan panduan cara memohon. Boleh merujuk kepada video ini <https://www.youtube.com/watch?v=ycuvkiJCFnM>.

**9. Saya menerima emel bahawa permohonan Sijil Kelakuan Baik (SKB) saya telah lulus dan sijil sedia untuk kutipan. Adakah saya boleh mengambil SKB di Pejabat Wilayah Sabah atau Pejabat Wilayah Sarawak semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Pemohon perlu menghantar emel kepada Pejabat Wilayah Sabah di alamat e-mel **pwsabah@kln.gov.my** untuk membuat **janji temu** atau bertanyakan sebarang persoalan berkaitan kutipan sijil.

Pemohon perlu menghantar emel kepada Pejabat Wilayah Sarawak di alamat e-mel **pwsarawak@kln.gov.my** untuk membuat **janji temu** atau bertanyakan sebarang persoalan berkaitan kutipan sijil.

**KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**16 MEI 2020**